

Bab 1

KONSEP PERADABAN DAN PENDIDIKAN TRADISIONAL MELAYU

Pengertian Peradaban Secara Umum

Untuk memahami tentang peradaban, perlulah terlebih dahulu mengetahui definisi peradaban. Pelbagai takrif diberi kepada konsep dan pengertian peradaban oleh para sarjana Barat dan Timur. Perkara ini menggambarkan perspektif berbeza mengenai pengertian sebenar peradaban.

Dalam tradisi Melayu, istilah-istilah yang digunakan untuk menggambarkan peradaban ialah 'peradaban' dan 'tamadun'. Secara umumnya, tiada perbezaan antara kedua-dua istilah tersebut. (Abdullah Alwi, 2000:1) Menurut Hashim Musa pula, istilah '*tamaddun*' boleh didefinisikan sebagai sejumlah pencapaian dan pemerolehan dalam segala pelakuan, pemikiran dan penciptaan yang baik, halus, sopan dan santun bagi pembentukan peribadi, akhlak, tatasusila, adab, tingkah laku dan budi bahasa yang tinggi bagi individu serta masyarakat yang membentuk sesebuah negara. (Hashim Musa, 1997:2)

Peradaban Melayu merupakan satu manifestasi budaya orang Melayu hasil dari evolusi sejarah dan berasaskan ciri-ciri berikut:

- a) Pusat-pusat Tamadun Melayu terletak di tempat yang strategik dan masing-masing mempunyai ibu kota. Contohnya empayar Melaka terletak di tengah-tengah jalan perdagangan antara timur dan Barat. Bandarnya ialah Kota Melaka

- b)Wujudnya organisasi dan institusi sosial dalam pelbagai bidang. (politik, ekonomi, sosialisasi dan pendidikan yang teratur). Contohnya, Kerajaan Melaka, Aceh, Srivijaya dan Majapahit.
- c)Adanya satu bahasa atau beberapa bahasa serumpun dengan sistem tulisan tersendiri yang menjadi perantaraan komunikasi, penyampaian dan pewarisan khazanah ilmunya. Bahasa yang digunakan oleh masyarakat Melayu dan menjadi *lingua-franca* di Alam Melayu adalah bahasa Melayu. Masyarakat Melayu juga mempunyai sistem tulisannya sendiri yang dikenali sebagai tulisan Jawi.
- d)Adanya undang-undang, norma dan sistem nilai yang teratur dan berwibawa. Contohnya Undang-Undang Laut Melaka, Undang-undang 99 Perak, Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Riau, Undang-undang Terengganu (Abu Hassan Sham, 1993:463-467)
- e)Lahir dengan banyaknya penciptaan sains, teknologi, sastera, pemikiran dan falsafah serta kekreatifan seni yang membolehkan masyarakat itu mengatasi sebahagian besar dari masalah yang berkaitan dengan keamanan, keselamatan, kesejahteraan dan kecekapan menangani penghidupan dalam alam persekitarannya. Masyarakat Melayu silam mempunyai kepakaran yang tinggi dalam ilmu pembuatan kapal. Ini membolehkan mereka belayar untuk berdagang. Untuk menguasai perdagangan, kerajaan-kerajaan Melayu meluaskan jajahan takluk. (Contohnya ialah Melaka.) Dalam bidang sastera pula, pengarang-pengarang Melayu silam banyak menghasilkan penulisan-penulisan sastera termasuklah hikayat-hikayat Melayu, pantun, syair, seloka dan puisi. Penulisan yang menyentuh tentang pemikiran dan falsafah pula kebanyakannya ditulis oleh mereka yang mahir dalam Islam. Contohnya Hamzah Fansuri menulis sebuah syair yang terkenal iaitu 'Syair Perahu'.

f) Hayat penghidupan kerajaan yang stabil dan agak panjang. (selama beberapa abad) Tamadun Melayu bertahan selama beberapa abad. Antara kerajaan Melayu yang dapat membina tamadun ialah Kerajaan Srivijaya, Majapahit, Melaka, Aceh, Sulu dan Brunei.

Dalam tradisi Islam, pelbagai definisi berbeza telah diberikan oleh para sarjana. Antara sarjana yang terawal ialah Abu Nasir al-Farabi (m. 350 H.) dalam kitabnya **al-Siyasah al-Madaniyyah** telah memperkenalkan istilah *madaniyyah* dalam abad ke-11 Masihi. Perkataan tersebut berasal dari *madinah* yang membawa erti negara Islam pertama yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W. dan *madaniyyah* pula bermakna kehidupan yang berteraskan aqidah, syariah dan akhlak yang mulia. Kepada S.M.N. al-Attas, istilah tamadun berasal dari perkataan *din*, yang memberi pengertian keadaan kehidupan manusia yang telah mencapai tahap kehalusan dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat. (Al-Attas, 1976 :2-3)

Istilah *madaniyyah* ini kemudian dipopularkan oleh beberapa sarjana Islam, seperti Muhammad Farid Wajdi dalam bukunya **al-Madaniyyah wa al-Islam**, Syaikh Muhammad Abduh dalam risalahnya **al-Islam wa al-Nas wa al-Ilm wa al-Madaniyyah** dan Syaikh Rashid Rida dalam **Tafsir al-Manar**. (Abdullah Alwi, 2000:2) Istilah ini ternyata begitu menarik sehingga digunakan juga oleh para sarjana Barat. Antaranya ialah Carl Brown yang menggunakannya dalam bukunya **From Madina to Metropolis** di mana beliau membicarakan perkembangan tamadun Islam. Beliau berpendapat bahawa kota *Madinah* Rasulullah S.A.W. adalah pusat pemerintahan pertama yang melahirkan tamadun Islam.

Kemudian pada abad ke-19 Masihi, Jurji Zaydan telah memperkenalkan istilah *al-tamaddun* dalam buku sejarah Islamnya iaitu **Tarikh al-Tamaddun al-Islami** yang diterbitkan antara tahun 1902-1906 Masihi. Istilah tersebut merujuk kepada pencapaian umat Islam yang berpusat di kota dalam bidang kerohanian dan kebendaan yang berasaskan agama. (Mustafa Hj. Daud, 1999:5) Kemudian, istilah tersebut menjadi popular di kalangan masyarakat Islam. Di Malaysia dan Indonesia, perkataan *tamadun* digunakan, Bahasa Swahili di Afrika Timur menyebutnya dengan *Utamaduni*, Bahasa Parsi menggunakan istilah *tamaddon* dan *madaniya* sementara Bahasa Turki pula menyebutnya sebagai *medeniyet* atau *medeniyeti*. Bangsa Arab yang bukan Islam menggunakan perkataan *tamaddun* sementara orang-orang Arab yang beragama Islam pula menggunakan perkataan *hadarah*. Dalam Bahasa Urdu, istilah *tahdhib* (penjernihan/pembangunan) digunakan sebagai terminologi teknikal kepada *tamadun*. (Abdullah Alwi, 2000 :2-3, M.A.J. Beg, 1985 : 28-29)


Ibnu Khaldun, seorang ilmuan agung Islam pada abad ke-14 Masihi telah menggunakan perkataan *umran* untuk menggambarkan peradaban. Teori mengenai peradaban dikenali sebagai *ilm al-umran*. Ibnu Khaldun juga menggunakan perkataan *al-hadarah* yang membawa erti kumpulan manusia yang menduduki kawasan perbandaran atau pertanian. Akhirnya istilah ini disamaertikan dengan perkataan *umran* dan *tamaddun*, seperti yang digunakan oleh orang-orang Arab moden.

Oleh itu, dapatlah kita fahami bahawa terdapat tiga istilah untuk memberi pengertian kepada peradaban dalam Islam, iaitu, *madaniyyah* atau *tamaddun*, *umran* dan *hadarah*. Ketiga-tiga istilah ini menggambarkan pencapaian umat Islam dalam pemurnian aqidah, pelaksanaan syariah serta kecemerlangan akhlak, di samping

keterampilan dalam ilmu dunia dan akhirat dan kemajuan kebendaan berteraskan agama. (Abdullah Alwi, 2000: 3)

Dalam tradisi barat, teori ketamadunan mula dibincangkan dalam abad ke-19 Masihi. Ini bermakna umat Islam telah mendahului mereka selama lima ratus tahun. Para sarjana barat menterjemahkan perkataan *tamaddun* sebagai *civilization*. Perkataan *civilization* merujuk kepada *aggregate of characteristics displayed in the collective life of an advanced people or an historic period*. (Encyclopedia of Britannica, 1974:657)

Antara sarjana yang membincangkan teori ketamadunan ialah Will Deorant. Dalam bukunya **History of Civilization**, beliau mentakrifkan tamadun sebagai sistem sosial yang meninggikan kedudukan kebudayaan manusia. Menurutny lagi, tamadun ialah suatu kemajuan atau ciptaan baru yang dilahirkan oleh sesebuah masyarakat untuk menjadikan kehidupan mereka lebih selesa. Darcy Riberio dengan **The Civilization Process** berpendapat bahawa tamadun berkait rapat dengan perbandaran. Clive Bell dengan **Civilization and Old Finds** mengatakan bahawa tamadun merupakan satu kriteria masyarakat. Redfield pula dalam bukunya **Introduction to the Civilization of India : Changing Dimensions of India Society and Culture** mendefinisikan tamadun sebagai beberapa puncak pencapaian manusia dan keadaannya hampir sama seperti puncak-puncak gunung di permukaan bumi. Arnold Toynbee, seorang sarjana Barat terkemuka dalam ilmu ketamadunan telah membincangkan kaitan antara tamadun dengan pencapaian pemikiran dan agama melalui bukunya **A Study of History**. Dalam buku ini, beliau telah menegaskan bahawa tamadun ialah pencapaian pemikiran yang membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama dan moral untuk seluruh manusia. (Mustafa Hj. Daud, 1999:4)



PETA 3 Pusat-pusat tamadun awal dunia.
 Sumber: DBP, 1996, *Sejarah Dunia*, Kuala Lumpur:DBP, hal. 48

Selain dari perkataan *civilization*, perkataan *renaissance* dan *culture* juga digunakan untuk memberi pengertian peradaban. Ini terbukti kerana terdapat buku-buku seperti **The Renaissance of Islam**, tulisan Adam Metz dan *Mussulman Culture*, hasil karangan V.V. Bartold. Tetapi, perkataan *civilization* ternyata lebih popular. Menurut Profesor Ismail R. Al-Faruqi, *civilization* dalam istilah bahasa Inggeris bererti keadaan bertamadun, iaitu pencapaian kesempurnaan syarat-syarat sebagai sebuah organisasi sosial yang maju bersesuaian dengan sebuah bandar berbanding dengan penduduk-penduduk desa. Ini termasuk keupayaan penduduk-penduduknya untuk hidup, menjalankan urusan perniagaan (atau tanggungjawab harian); memutuskan apa-apa pertikaian mereka mengikut peraturan undang-undang; mempertahankan keselamatan bersama apabila terancam; mengguna bahasa bertulis untuk menyimpan khazanah ilmu dan hikmah dan sentiasa mengembangkannya; sentiasa memajukan kesenian dan sains; yang pada umumnya bererti sentiasa memperbaiki nilai hidup. Konsep ini berasaskan kepada inspirasi falsafah Greek. (Ismail al-Faruqi, 1984:13-15 dipetik oleh Abdullah Alwi:2000:3)

Oleh kerana peradaban membawa maksud pencapaian dan kemajuan yang diperolehi dalam segenap lapangan kehidupan, maka perlulah diteliti pencapaian beberapa tamadun besar dunia. Antaranya ialah Tamadun China yang terkenal dalam penciptaan mesin cetak, kertas dan bahan letupan. Penciptaan mesin cetak telah berlaku pada zaman Dinasti Tang, manakala kertas pula telah dicipta lebih awal dari itu. Penciptaan serbuk peletup dimulai oleh pengikut-pengikut Tao, iaitu dengan mencampurkan arang kayu bersama kalsium nitrat dan sulfur. Sebenarnya bahan letupan yang mereka cipta hanyalah untuk menghasilkan bunga api. Setelah wujud hubungan China dengan negara luar, bahan letupan akhirnya digunakan sebagai satu senjata. (Azhar Mad Aros, 2000:254-255)

Selain Tamadun China, Tamadun Nil juga merupakan antara tamadun terkemuka dan tertua di dunia. Tamadun ini terkenal dengan aktiviti pertanian kerana terletak di Lembah Nil yang subur dan sesuai untuk pelbagai tumbuhan seperti gandum, barli, sayuran dan buah-buahan. Apabila masyarakat Mesir bertambah maju, mereka mencipta sistem tulisan berdasarkan simbol gambar yang dikenali sebagai *hieroglyphic*. Masyarakat Mesir juga terkenal dalam bidang pembedahan dan pengawetan mayat. Mereka juga mendirikan piramid untuk menyimpan mayat firaun. Pembinaan piramid amat mengagumkan dan binaan tersebut merupakan antara tujuh benda ajaib di dunia. (Azhar Mad Aros, 2000:19)

Tamadun Lembah Indus pula memberi contoh terbaik kerana mempunyai sistem perbandaran yang begitu menakjubkan. Kesan-kesan tinggalan bangunan besar, bilik air, pembentungan, longkang, dan palung di kaki-kaki atap menjadi bukti ketinggian kehidupan masyarakat di Lembah Indus pada suatu masa dahulu. Selain itu, tinggalan kolam besar (*great bath*) pula terdapat di Mohenjodaro. Kolam itu sepanjang 39 kaki panjang, 23 kaki lebar dan 8 kaki dalam. (Azhar Mad Aros, 2000:13)

Hubungan Pendidikan dan Peradaban

Pendidikan bermaksud perihal mendidik (iaitu memelihara dan melatih secara baik). (Kamus Dewan, 1998 : 303) Setelah dijadikan satu analogi, pendidikan ditakrifkan sebagai satu proses yang berterusan untuk menjaga dan memelihara pembesaran tubuh badan dan pertumbuhan bakat manusia dengan rapi agar menjadi seorang yang berilmu, baik tingkah laku serta dapat mengekalkan nilai-nilai budaya masyarakatnya. (Zawawi Hj. Ahmad, 1984 : 1) Pendidikan menanamkan kebiasaan

yang akhirnya membentuk tabiat. Tabiat melahirkan perbuatan yang diajar atau dilatih itu. Pendidikan menanamkan amal dan sasaran pendidikan merupakan hati. Oleh itu, orang yang terdidik ternyata pada sikap dan perbuatan yang dilakukannya. (Sidi Gazalba, 1986 : 193)

Di dalam bahasa Arab, pendidikan disebut *al-tarbiah* yang berasal dari kata kerja *rabba* yang bermaksud tumbuh, bertambah, membiak, mengasuh, mendidik dan memelihara. (Muhammad Idris al-Marbawi, 1354H : 225) Apabila digunakan sebagai satu analogi, istilah *tarbiah* bermaksud menjaga dan memelihara sifat-sifat semulajadi kanak-kanak serta memupuk bakat-bakat dan kebolehan yang wujud pada mereka dengan dorongan secara beransur-ansur agar semua bakat dan kebolehan tersebut dapat berkembang dengan baik sesuai dengan peringkat kematangan yang dilaluinya. (Zawawi Hj Ahmad, 1984 : 1-2)

Di dalam Bahasa Inggeris, perkataan *education* digunakan untuk membawa maksud pendidikan. Perkataan ini berasal dari dua perkataan Latin *e, ex* yang bermakna memimpin. Apabila kedua-dua istilah itu digabungkan, ia bermaksud mengumpul maklumat ke dalam, dan mengeluarkan bakat. Apabila perkataan tadi disebut sebagai *education*, ia bererti *the process by which those powers (abilities, capacities) of men that are susceptible to habituation are perfected by good habits, through means artistically contrived and employed by any man to help another or himself achieve the end in view (i.e. good habits)* (Adler, 1969:350-351)

Pendidikan tidak dapat dipisahkan dari peradaban kerana pendidikan merupakan institusi sosial yang utama dalam masyarakat yang bertamadun. Mengikut teori *cyclical*

Ibnu Khaldun, peradaban mengalami tiga peringkat iaitu pertumbuhan, kemuncak dan kejatuhan. Di dalam bukunya **Muqaddimah**, Ibnu Khaldun mengatakan bahawa semasa peringkat kemuncak sesuatu peradaban, kemajuan dalam pelbagai bidang dicapai. Ini termasuklah kemajuan dalam ilmu pengetahuan atau pendidikan. Pada peringkat ini, manusia mula memenuhi kemahuan yang bukan lagi merupakan keperluan asas mereka tetapi kemewahan hidup. (Abdul Rahman bin Muhammad, 712H :257, 429-430, 417-418)

Pendidikan bukan sekadar mempunyai peranan akademik untuk memperkembangkan keupayaan kognitif seseorang tetapi juga mempunyai peranan sosial dan peribadi. Pendidikan dapat membentuk asas-asas personaliti seseorang, samada baik atau sebaliknya. Pengajaran dan disiplin pula dapat membentuk kematangan dalam fikiran dan tingkah laku. Ini menjadikan seseorang itu berupaya mengawal diri, bertanggungjawab, berdisiplin, beremosi sihat selari dengan norma-norma masyarakat, agama dan bangsa. (Robiah Sidin, 1994 : 32)

Peradaban Melayu, sepertimana peradaban-peradaban lain di Asia merupakan peradaban yang berkembang dan tegak serta mempunyai jati dirinya sendiri. Satu daripada unsur utama yang mencirikan peradaban ialah sistem pendidikan. Oleh itu, peradaban Melayu mempunyai sistem pendidikannya tersendiri. Sistem pendidikan tradisional masyarakat Melayu dimanifestasikan oleh pendidikan berbentuk pemindahan kemahiran dan budaya hidup, pengajian bahasa Melayu, pendidikan Islam secara tidak formal dan pendidikan Islam secara formal seperti sekolah pondok, madrasah, sekolah agama dan Kolej Islam.

Konsep Pendidikan Masyarakat Melayu Tradisional

Untuk memahami konsep pendidikan masyarakat Melayu tradisional, perlulah diteliti terlebih dahulu pengertian istilah 'Melayu' dan 'Tradisional'. 'Melayu', nama khas bagi satu kelompok suku bangsa di sekitar kepulauan Melayu ataupun nama am bagi pelbagai kelompok serumpun bahasa di kalangan kelompok Bahasa Melayu-Polinesia (Austronesia). Ringkasnya, istilah 'Melayu' merujuk kepada dua lapangan, iaitu geografi dan bahasa. (Muhammad Yusof Hashim, 1992:3)

Sebagai nama khas, kelompok suku bangsa ini mendiami wilayah-wilayah Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, selatan Thailand, pesisir timur Pulau Sumatera, pesisir Pulau Borneo dan wilayah-wilayah lain di Kepulauan Melayu (Nusantara) serta kawasan penghijrahan mereka di seluruh dunia. Mereka merupakan penutur teras bahasa Melayu. Sebagai kelompok am, bangsa Melayu terdiri daripada pelbagai suku bangsa yang juga menjadi penutur bahasa Melayu dan penutur bahasa-bahasa rumpun Melayu. Mereka terdiri daripada semua suku bangsa di seluruh Alam Melayu-dari Filipina hingga ke Irian, Sumatera dan Kemboja. Dalam pengertian yang lebih luas, 'Melayu' merangkumi semua penutur bahasa Melayu dalam kelompok Bahasa Melayu-Polinesia. (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998: 1503, Muhammad Yusof Hashim, 1992:3-4)

Ditinjau kekeluargaan bahasa Melayu, bahasa ini termasuk dalam keluarga Indonesia dalam rumpun Austronesia. Rumpun ini meliputi kawasan yang terbentang luas dari Taiwan di utara hingga ke New Zealand di selatan, dan dari Madagaskar di Barat hingga ke Pulau Easter di timur. Terdapat empat keluarga besar bahasa Melayu dalam rumpun ini, iaitu keluarga Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia.

Keanggotaan dalam keluarga Indonesia dianggap jauh lebih besar daripada keanggotaan dalam keluarga lain. (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998:335)

Ada banyak teori tentang tempat asal bahasa Melayu, atau lebih tegasnya, rumpun Austronesia. Ada pendapat yang mengatakan bahawa bahasa Melayu berasal dari Pulau New Guinea, ada yang mengatakan Pulau Borneo dan ada yang mengatakan Pulau Sumatera. Walau bagaimanapun, teori yang diterima umum ialah teori Kern yang mengatakan bahawa rumpun Austronesia, dengan itu bahasa Melayu, berasal dari kawasan Yunan, di tanah besar benua Asia (sekarang ini merupakan sebahagian dari wilayah Republik Rakyat China). Teori ini bukan sekadar disokong oleh faktor bahasa tetapi juga oleh arkeologi. (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998:335)

Bahasa Austronesia dijangka telah bergerak dari Yunan ke Semenanjung Malaysia dan pulau sekitarnya lebih kurang 2,500 tahun dahulu. Ikut bergerak bersama-sama bahasa tersebut ialah bahasa Melayu. Akhirnya, bahasa ini berkembang dari segi kawasan geografi dan jumlah penuturnya, berkembang dari segi peranannya dalam masyarakat, serta berkembang dari segi sistem dan strukturnya. (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998:335)

Di Malaysia, 'Melayu' ditakrif dengan makna yang khusus serta tertentu bagi kelompok masyarakat yang berbahasa Melayu, mengamalkan adat Melayu dan beragama Islam. Takrif yang bersifat tatakelakuan ini terdapat dalam Perlembagaan Malaysia dan digunakan khusus bagi maksud tafsiran undang-undang Malaysia. (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998:1503)

Masyarakat Melayu di Malaysia terdiri daripada semua kelompok penghuni Kepulauan Melayu yang telah berhijrah ke Tanah Melayu sejak ratusan tahun terdahulu seperti Aceh, Minangkabau, Mandailing, Bengkulu, Rawa, Palembang, Lampung, Jawa, Sunda, Bugis, Banjar, Sulu, Bajau dan Melanau. Walaupun pada asasnya setiap kelompok akan mengekalkan identiti asas mereka dalam kelompok kecil di kawasan masing-masing, namun pada tahap yang lebih luas di luar batasan kelompok sendiri, identiti Melayu digunakan secara subjektif, iaitu sebagai identiti peribadi. (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998:1503)

Di samping itu, terdapat kesan perjalanan sejarah yang menjadikan nama Melayu sebagai identiti kelompok beragama Islam, berbeza daripada kelompok yang masih berpegang kepada agama tradisi (animisme). Oleh kerana kedatangan Islam ke kepulauan Melayu berpunca daripada gerakan dakwah suku bangsa Melayu yang awal menerima kedatangan Islam, maka identiti Islam itu bersamaan dengan nama Melayu. Keadaan ini menjadikan ciri islam itu kekal sebagai ciri kemelayuan bagi masyarakat Melayu di Malaysia dan Brunei Darussalam. (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998:1503)

Pada masa ini, konsep etnik 'Melayu' dan konsep agama 'Islam' telah dipisahkan. 'Masuk Melayu' kini telah dianggap sebagai 'masuk Islam', tetapi 'masuk Islam' tidak semestinya 'masuk Melayu'. (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998:1504)

Perkataan 'tradisional' pula berasal dari kata dasar 'tradisi'. *Oxford Advanced Learner's Dictionary* menerangkan konsep tradisional sebagai 'according to or being tradition' (Oxford Advanced Learner's Dictionary, 1992:1359). Seterusnya, perkataan

'tradisi' pula membawa maksud '*passing of beliefs or customs from one generation to the next*' (Oxford Advanced Learner's Dictionary, 1992:1359).

Ringkasnya, tradisi dan tradisional bermakna corak dan ciri terhadap budaya temurun, yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi lain, seterusnya digunakan lalu terus diamalkan pula. Perkataan tradisional lawannya ialah 'moden' iaitu bukan bercorak tradisional. (Muhammad Yusof Hashim, 1992:5)

Ditinjau dalam bidang pendidikan, tradisional dimaksudkan sebagai proses pembelajaran dan pengajaran yang belum diresapi oleh nilai dan kaedah pendidikan moden. Walau bagaimanapun, masa dan penzamanan mungkin tidak dapat digunakan sebagai landasan bagi menentukan perbezaan sebenar di antara nilai tradisional dan nilai moden. Ini kerana kesinambungan nilai-nilai tradisional tidak dibatasi oleh zaman, tarikh dan waktu. Yang patut menjadi ukuran ialah ciri dan bentuk sistem pendidikan. (Harun Mat Piah, 1993:7, Muhammad Yusof Hashim, 1992: 5)

Menurut Mohd. Taib Osman (1983:1-2), apa yang dianggap tradisional dan moden adalah tidak mutlak bahkan relatif dari segi masa. Ini kerana sesuatu sistem itu tentulah mempunyai ciri-ciri persambungan dan ciri-ciri perubahan dan terpulang kepada kita untuk menentukan detik masa tertentu yang ingin dijadikan titik-tolak. Ciri-ciri persambungan dalam sesuatu sistem bertindak sebagai landasan supaya sistem itu terus hidup, sementara ciri-ciri perubahan pula merupakan penyesuaian dengan keadaan semasa. Ciri-ciri persambungan dapat memberikan kestabilan kepada sesuatu sistem yang hidup. Ciri-ciri perubahan timbul daripada keadaan yang memerlukan atau yang mengakibatkan perubahan kepada sesuatu sistem, mungkin kerana terdapat

pertembungan dengan peradaban lain, baik secara langsung maupun tidak, ataupun timbul dari keadaan dalam budaya itu sendiri.

Sebagai contoh, sistem pendidikan masyarakat Melayu telah menerima pengaruh peradaban India, kemudian peradaban Islam dan mulai abad lepas, bagi masyarakat di Semenanjung secara menyeluruh, daripada peradaban Barat moden. Apabila tibanya setiap pengaruh dari luar itu, terdapat ciri-ciri yang telah sedia ada memberi persambungan kepada sistem tersebut di samping munculnya ciri-ciri yang mengasaskan perubahan. Dalam proses yang sangat kompleks ini, pelbagai hal yang berlaku: ada ciri-ciri lama hilang lenyap, ada yang diberi tanggapan baru dan ada yang bergabung dengan harmonis dengan ciri-ciri baru. Begitu juga keadaannya dengan ciri-ciri baru. (Mohd. Taib Osman, 1983:2)

Oleh yang demikian, sistem pendidikan tradisional dalam Peradaban Melayu bermaksud pendidikan yang berbentuk budaya, bahasa dan agama, yang diwarisi dan menjadi darah-daging dalam masyarakat Melayu, dan ada di antara unsur-unsur pendidikan tersebut masih kekal hingga kini. Masyarakat Melayu silam sudah mempunyai sistem pendidikan tersendiri yang meliputi pelbagai peringkat dan aspek. Sistem pendidikan tersebut bertepatan dengan budaya hidup dan citarasa masyarakat tempatan. Sistem itu juga sentiasa mengalami perubahan sejajar dengan keperluan masyarakat. Secara umumnya, sistem pendidikan tradisional boleh dibahagikan kepada tiga iaitu

1. Pendidikan Pra-Islam yang lebih berbentuk pemindahan kemahiran.
2. Pendidikan Islam
3. Pendidikan Bahasa Melayu.

A510498723

Pendidikan Dalam Masyarakat Melayu Tradisional Sebelum Kedatangan Islam

Sebelum kedatangan Islam, pendidikan secara tidak formal untuk kanak-kanak dijalankan di dalam sesebuah keluarga dan kemudiannya dikendalikan pula oleh orang yang mempunyai kepandaian di dalam sesebuah masyarakat. Menerusi pendidikan tersebut, kanak-kanak belajar tentang adat resam dan sistem kepercayaan masyarakat Melayu. Semasa kanak-kanak membesar, mereka mempelajari pula secara tidak langsung cara-cara untuk menyesuaikan diri di dalam masyarakat. (Ismail Hamid, 1997:199) Menurut Abu Zahari Abu Bakar (1984:7), sistem ini merupakan kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi secara tidak langsung melalui tugas seharian.

Sementara itu, ada juga pendidikan yang dikendalikan oleh guru-guru yang pakar dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh masyarakat pada masa tersebut. (Ismail Hamid, 1997:199) Pengetahuan dan kemahiran masyarakat Melayu tradisional antaranya termasuklah ilmu ukiran, anyaman bakul, ilmu mempertahankan diri, ilmu kias dan raksi, ilmu mentafsir mimpi dan ramalan, ilmu bedil, ilmu pertukangan (dalam pembuatan rumah, senjata, perahu, lesung, kuku kambing), ilmu perlombongan, ilmu perdukunan, ilmu perdalangan, ilmu pertanian dan perikanan. (Abu Zahari Abu Bakar, 1984:7, Harun Mat Piah, 1993:507) Ilmu-ilmu tersebut diperturunkan daripada generasi tua kepada generasi muda untuk digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

Pada peringkat paling asas dalam kehidupan masyarakat Melayu silam, seseorang itu perlu tahu apa yang wujud dalam alam sekitar (alam lahiriah). Kemudian, pengetahuan tersebut digabungkan pula dengan kepandaian dan kemahiran hasil interaksi dengan alam batiniyah (ghaib). Dengan demikian, ilmu pengetahuan yang wujud di kalangan masyarakat Melayu silam bersifat *holistic* kerana ilmu tersebut

merupakan gabungan antara ilmu lahiriah dan ilmu batiniah. Pantun berikut cuba menjelaskan maksud pengalaman dan ilmu pengetahuan masyarakat Melayu:

Penakik pisau diraut
Ambil galah batang lintabung
Seludang jadikan nyiru

Setitik jadikan laut
Sekepal jadikan gunung
Alam berkembang jadikan guru.

Orang-orang Melayu menggunakan kaedah mengetahui, mengenali, mengerti dan memahami untuk membuat penjenisan, klasifikasi, atau pengkategorian (*taxonomy*) setiap benda yang wujud dalam alam lahiriah. (Zainal Abidin Borhan, 1997:4) Oleh kerana usaha tersebut hanya dapat mengenali dan mengetahui setiap benda secara empirikal, maka masyarakat Melayu juga menggunakan indera batin untuk memahami alam batiniah (*ghaib*). Mereka menggabungkan kedua-dua unsur lahiriah dan batiniah untuk menghasilkan pengetahuan yang sempurna (*holistic*). (Zainal Abidin Borhan, 1997:4)

Melalui proses tahu dan kenal, seseorang itu akan dapat memahami kejadian setiap objek. Perkara ini jelas dalam jampi-serapah dan mentera Melayu seperti ungkapan "...aku tahu asal-usulmu". Mengetahui asal-usul, bukan sekadar tahu mengenai sesuatu objek tetapi juga mengenali dan memahami asal-usul serta susunan setiap kejadian, termasuklah cara sesuatu objek terjadi, bermula dan berakhir.

Orang yang tahu, yang kenal, yang memahami atau mengerti adalah orang yang pandai. Dalam masyarakat Melayu tradisi, gelaran-gelaran tertentu diberikan kepada mereka yang pakar dalam sesuatu bidang seperti pandai kayu (sekarang dipanggil

tukang kayu), pandai besi, pandai emas, pandai keris, pawang laut, pawang ular, pawang buaya, juruselam, pawang darat atau bomoh, bidan, saudagar, juragan, malim, nakhoda, laksamana, pendekar, panglima, guru, jurukira, pendita dan sebagainya. Setiap daripada mereka ini merupakan golongan pakar dalam bidang-bidang yang terlalu khusus. Seorang yang pandai bukan sekadar mengetahui dan mengenali objek, tetapi juga mengetahui asal-usul objek, di samping dapat memecah persoalan asal-usul. (Zainal Abidin Borhan, 1997:5) Jika wujud sesuatu masalah, orang-orang yang pandai inilah yang dijadikan pakar rujuk. Oleh itu, perbilangan Melayu ada mengatakan:

‘yang pandai teman berunding’

Selain dari itu, ada juga perbilangan Melayu yang menyarankan agar bertanya kepada mereka yang pandai jika ingin mengetahui sesuatu:

Kalau nak tahu dalamnya paya
Tanyalah puyuh
Kalau nak tahu lebarnya rimba
Tanyalah denak
Kalau nak tahu luasnya padang
Tanyalah belalang
Kalau nak tahu panjangnya tanjung
Tanyalah beberau

Perbilangan ini menunjukkan bahawa bagi setiap cabang ilmu pengetahuan, ada orang yang mempunyai kepakaran di dalamnya. Orang-orang ini mempunyai banyak pengalaman, lebih dahulu makan garam dan lebih dahulu menempuh badai gelombang. Oleh itu, mereka sesuai dijadikan tempat rujuk untuk mendapat petunjuk, pedoman dan teladan. (Zainal Abidin Borhan, 1997:6)

Ada sesetengah masyarakat Melayu yang mempelajari ilmu lebah, termasuk asal-usul lebah dan cara mendapatkan madu lebah. Ada juga golongan yang mendalami

ilmu perlombongan termasuk teknik-teknik melombong dan cara mengesan tempat-tempat yang mempunyai banyak bijih timah serta galian-galian lain. Sementara itu, untuk mendapatkan kebolehan mengesan kumpulan-kumpulan ikan di lautan pula, seseorang itu perlu belajar dari pawang ikan. (Ismail Hamid, 1997:199)

Untuk mendalami ilmu pertukangan, seseorang itu perlu belajar daripada pandai kayu. Dia perlu belajar mengenali pelbagai jenis kayu-kayan dalam hutan termasuk sifat dan kegunaan masing-masing. Selain itu, dia juga perlu bijak memilih tapak yang sesuai untuk sesebuah binaan dengan mengambil kira perjalanan air di permukaan dan di bawah bumi. Seterusnya, dia juga harus mengetahui cara untuk mententeramkan kuasa-kuasa ghaib yang menghuni di sesebuah tapak rumah disamping mempunyai kemahiran-kemahiran lain seperti membuat tenggala, kuku kambing, pencakar, perahu pengail, lesung dan antan. (http://www.perpustam.edu.my/melaka/rumah_melaka.html)

Seni pertukangan Melayu memang merupakan satu keunggulan masyarakat Melayu tradisional. Ini berdasarkan catatan yang terdapat dalam buku **Sejarah Melayu** yang menggambarkan keindahan istana Sultan Mansur Syah yang dibina sekitar tahun 1460 Masihi. Istana tersebut memperlihatkan kemahiran pertukangan Melayu yang tinggi mutunya. (http://www.perpustam.edu.my/melaka/rumah_melaka.html) Menurut catatan tersebut:

Adapun besarnya istana itu tujuh belas ruang, pada seruang tiga-tiga depa luasnya, besar tiangnya sepemuluk, tujuh pangkat kemuncaknya. Pada antara itu diberinya berkapa-kapa (bertingkap), pada antara kapa-kapa (tingkap) itu diberinya bumbungan melintang dan bergajah menyusu; sekaliannya bersayap layang-layang, sekaliannya berukir dan bersengkuap. Pada antara sengkuap itu diperbuatnya belalang bersagi; sekaliannya dicap dengan air emas. Kemuncaknya kaca merah, apabila kena sinar matahari, bernyala-nyala rupanya seperti manikam, Akan dinding istana itu sekaliannya berkambi, maka ditampali dengan cermin

China yang besar, apabila kena panas matahari bernyala-nyala rupanya, kilau-kilauan tiada nyata benar dipandang orang. Adapun rasuk istana itu kulim, sehasta lebarnya, dan sejengkal tiga jari tebalnya. Akan birai istana itu dua hasta lebarnya, dan tebalnya sehasta, diukirnya rembetan pintu istana itu empat puluh banyaknya, semuanya bercat dengan air emas. Terlalu indah perbuatan istana itu, sebuah pun istana raja yang di bawah angin ini tiada sepertinya pada zaman itu. Istana itulah yang dinamai orang 'Mahligai Hawa Nafsu': atapnya tembaga dan timah disiripkan. (Samad Ahmad, 2000:143)

Mereka yang berminat untuk mendalami ilmu perdalangan atau perwayangan boleh menjadi tukang cerita seperti Tok Selampit atau Tok Dalang, dalam wayang kulit. Golongan ini perlu mempunyai kepakaran untuk mendidik dan mengajar orang ramai melalui cerita-cerita rakyat. (Zainal Abidin Borhan, 1996:6) Menurut Eddin Khoo, cerita rakyat yang disampaikan secara lisan telah diwarisi sejak turun-temurun oleh tukang cerita. Mereka ini dikenali sebagai Penglipur Lara di Perlis, Tok Selampit di Kelantan, Dalang bagi wayang kulit dan Tok Puteri untuk mak yong. Penyampaian cerita-cerita tersebut secara lisan menggambarkan pandangan hidup masyarakat Melayu silam. (http://www.kulture.com.my/?articles/article_ekhoofarce.phtml)

Menurutnya lagi, sastera lisan atau cerita rakyat terdapat dalam pelbagai bentuk. Ini termasuklah cerita yang berbentuk mitos, teka-teki, peribahasa, cerita binatang, cerita jenaka, cerita percintaan, cerita pahlawan, cerita pengembaraan, cerita berbentuk wayang kulit dan drama berbentuk tarian. Walaupun cerita-cerita ini mempunyai nilai moral yang tinggi, tetapi cerita-cerita ini sering disampaikan oleh tukang cerita secara berjenaka. Dengan menokok tambah sifat semulajadi manusia, cerita-cerita jenaka tersebut cuba membidas golongan yang bongkak dan seterusnya menyokong keadilan. Cerita 'Musang Berjanggut' mengisahkan apa yang berlaku di sebuah istana. Cerita ini membidas secara sinis sikap seorang Sultan dan pembesar-pembesar istana yang sanggup menipu kerana terpicat dengan seorang perempuan yang cantik. Untuk

menjauhkan perempuan tersebut dari suaminya, Sultan telah memerintahkan suami perempuan tersebut mencari musang berjanggut. Kekeliruan dan kekacauan yang berlaku di istana akhirnya telah menyedarkan Sultan dan para pembesar bahawa mereka telah ditipu kembali oleh kedua suami isteri tersebut. ([http : // www . kulture .com. my /?articles/article_ekhoofarce.phtml](http://www.kulture.com.my/?articles/article_ekhoofarce.phtml))

Pada masa dahulu, sering berlaku peperangan dalam masyarakat Melayu samada dari pihak musuh atau sesama sendiri terutamanya peperangan saudara bagi merebut jawatan politik. Oleh kerana semua anggota masyarakat terlibat dalam peperangan, maka mereka harus menguasai seni mempertahankan diri. Orang yang handal dalam bidang tersebut biasanya dapat menjawat jawatan tinggi sebagai hulubalang kepada pembesar atau pemerintah dan disanjung tinggi pula oleh masyarakat. (Ismail Hamid, 1997:200). Dalam **Hikayat Hang Tuah**, ada diceritakan tentang kehandalan Hang Tuah dalam ilmu mempertahankan diri sehingga dilantik menjadi bentara setelah berjaya menyelamatkan bendahara Paduka Raja daripada orang mengamuk (Fauzi Masruri, Abu Hassan Sham, 1993: 258) Hang Tuah juga dikatakan mempunyai Keris Taming Sari yang mempunyai kuasa luar biasa.(Abu Hassan Sham,1993:263)

Perkataan 'Bomoh' menurut Kamus Dewan ialah tabib yang mengubati orang sakit dengan menggunakan ubat tradisional atau cara kampung dan jampi serapah. Bomoh juga kadang-kadang dipanggil pawang atau dukun.(Kamus Dewan, 1998:170) Mereka bukan sekadar mampu membantu orang ramai dalam menyelesaikan krisis kehidupan, tetapi juga berupaya memberi jawapan mengenai asal-usul krisis tersebut.(Zainal Abidin Borhan, 1997:6)

Bomoh dalam masyarakat Melayu secara ringkasnya boleh dibahagikan kepada beberapa pecahan dan bidang mengikut kepakaran masing-masing. Antara yang terkenal ialah Bomoh Kayap, Bomoh Santau, Bomoh Barah, Bomoh Urat, Bomoh Patah, Bomoh Ekor (untuk mencari nombor ekor), Bomoh Harta Karun (untuk mencari harta yang tersembunyi) dan Bomoh Budak. Satu perkara yang menarik tentang Bomoh Budak ialah dia merupakan kanak-kanak yang mampu mengubati pelbagai penyakit tanpa mempelajari ilmu perdukunan. Semasa menjalankan tugasnya, bomoh-bomoh tradisional ini biasanya membaca ayat-ayat suci al-Quran berserta mentera-mentera tertentu. Mereka juga selalunya menggunakan peralatan seperti daun sirih, kapur makan, pinang, tanah liat, bawang merah, telur ayam, akar lalang, telur ular tedung, keris atau senjata lama, minyak angin, air telaga, daun mengkuang, talam tembaga, batu delima merah dan lesong batu berlubang. (<http://members.tripod.com/onnjadi/artikel2.html>)

Untuk menjadi seorang bomoh atau dukun, Tok Puteri, Tok Mindok, Bomoh Belian dan Tok Bagih, seseorang itu tidak hanya belajar untuk mengenali alam lahir, tetapi dia juga perlu tahu mengenai alam batin (termasuklah cara berkomunikasi dengan pelbagai makhluk ghaib). Oleh itu, golongan bomoh biasanya cuba mengungkapkan kejadian alam di dalam mentera mereka. Di sini, diberikan satu contoh mentera yang juga merupakan satu klasifikasi tentang angin:

Pertama angin si charak kafar
 Kedua angin tajam temilang
 Ketiga angin puting beliong
 Keempat bedil berjanggut
 Kelima payung ali
 Keenam si lantau tulang
 Ketujuh si hampar rebah

.....
 (Zainal Abidin Borhan, 1997:7)

Mentera-mentera seperti ini adalah asas kepada ilmu asal-usul. Pawang, bomoh atau dukun yang menguasai ilmu asal-usul mempunyai kebolehan luarbiasa sehingga mampu mencairkan atau melembutkan yang keras, melemahkan yang kuat, menghilangkan benci menjadi sayang, racun menjadi penawar dan sebagainya.

Golongan ini mampu membaca sesuatu melalui indera batinnya, melihat melalui kata hatinya, dan berbicara melalui mata hati. Mereka tahu keseluruhan proses dan hirarki pengetahuan yang terpancar dari ilmu asal-usul. Golongan ilmuan ini juga menyedari bahawa ilmu yang mereka miliki boleh digunakan sama ada secara negatif atau positif. Walau bagaimanapun, mereka lebih memberi keutamaan untuk mencari keseimbangan, keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan. (Zainal Abidin Borhan, 1997:7)

Ada juga di kalangan orang Melayu yang mendalami ilmu kias atau raksi, iaitu satu bentuk ilmu nujum atau ramalan. Ilmu ini digunakan untuk meramal bentuk hubungan seseorang dengan yang lain khasnya sebagai suami isteri, meramalkan kesesuaian waktu untuk menziarahi keluarga, sahabat dan jiran tetangga dan waktu-waktu atau hari-hari yang baik untuk melakukan urusan-urusan penting. (Harun Mat Piah, 1993: 523)

Sebuah teks raksi yang baik terdapat dalam bentuk syair, dikenali sebagai 'Syair Raksi'. Untuk raksi pasangan lelaki dan perempuan, syair ini memberikan ramalan berdasar nilai abjad daripada nama seseorang. Nilai ini dijumlahkan dan dibahagi dengan sembilan. Bakinya dibandingkan dengan baki bagi nama pasangannya. Berikut adalah contoh Syair Raksi yang memperihalkan tentang raksi perkahwinan:

Jika lima bersama tujuh,
Berbaik juga ia berjodoh,
Tetapi ada sedikit rusuh,
Tiada baik berjalan jauh.

Fasal sembilan dengan sembilan,
Raksinya baik dengan kebetulan,
Hukuman diturut dengan keadilan,
Umpama bintang hampir ke bulan.

(Harun Mat Piah, 1993:524-525)

Berikut merupakan contoh Syair Raksi yang memperkatakan tentang ramalan berdasarkan haribulan:

Sembilan likur hari akhirnya
Baik pekerjaan apa-apa hajatnya
Berkebun berkahwin atau belayarnya
Ataupun hendak memperbuat perahunya.

Pada tiga puluh bulan sempurna
Baik memperbuat sebarang rencana
Baik pun laki-laki atau betina
Inilah syair ada berguna.

(Harun Mat Piah, 1993:525)

Pada bahagian akhir, syair ini memberi bimbingan tentang masa-masa yang baik untuk menemui orang:

Tengah orang memasak menggulainya,
Janganlah kamu pergi sesegeranya,
Jikalaupun kamu biasa kepadanya,
Hendaklah kamu menanti pelawanya.

Ziarah kepada orang kesakitan,
Lemah-lembut sekalian perbuatan,
Supaya terpelihara daripada bentan,
Mudah-mudahan segera kesihatan.

(Harun Mat Piah, 1993:526)

Ada juga masyarakat Melayu yang mempelajari cara-cara membuat dan menggunakan senjata api, khususnya senapang dan meriam. Berikut merupakan satu petikan daripada **Sejarah Melayu** yang menceritakan tentang ilmu bedil dalam masyarakat Melayu:

Hatta maka Peringgi pun masuklah, setelah berpandangan, maka berperanglah Temenggung Seri Udani dengan Peringgi, terlalu azamat bertembak-tembakan; bunyi meriam seperti halilintar membelah, bunyi pelurunya seperti kumbang dijolok; maka yang mati pun terlalu banyak sebelah-menyebelah. Sehari semalam lamanya perang itu, maka ubat bedil pun habis, maka Seri Udani menyuruh memohonkan ubat bedil serta bantu. Maka disuruh beri ubat bedil sehabis-habisnya, hanya empat tempayan; dan Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara, dititahkan Sultan Mahmud Syah membantu Temenggung Seri Udani. Maka Temenggung Seri Udani pun peranglah semalam-malaman itu; setelah dinihari, air pun penuh pasang dalam, maka Peringgi pun mudiklah menyongsong, dikepilkannya segala perahunya di Kota Kara. Maka dibedilnya dengan istinggar, bunyi pelurunya seperti kacang jatuh ke bidai. (A. Samad Ahmad, 2000:280)

Keterangan tentang penggunaan bedil dan meriam oleh masyarakat Melayu seperti dalam petikan di atas dapat dipercayai kebenarannya kerana ada tulisan-tulisan orang Portugis sendiri yang mengakui keadaan tersebut. Albuquerque menyatakan bahawa terdapat dua ribu pucuk meriam diperbuat daripada tembaga dan yang lainnya daripada besi. Kesemua meriam itu serta alatannya diperbuat dengan begitu bagus, tidak dapat ditandingi walaupun di Portugal. (Harun Mat Piah, 1993:538) Sebagai salah satu cabang ilmu tradisional, ilmu bedil menggunakan jampi, mentera dan beberapa teknik tertentu. Terdapat sebuah buku yang membicarakan secara terperinci tentang ilmu bedil yang diberi judul **Peluru Petunang**.

Untuk mentafsir mimpi atau kejadian aneh, masyarakat Melayu mempelajari ilmu takbir mimpi dan ramalan. Jika diteliti **Hikayat Aceh**, ada diceritakan bahawa

semasa Iskandar Muda masih dalam kandungan, ibunya bermimpi tusuk sanggulnya seolah-olah seperti bulan, dan selendang yang dipakainya ditaburi bintang-bintang yang memancarkan cahaya bergemerlapan. Mimpi ini diamalkan sebagai memberi petanda yang baik, iaitu kelahiran Iskandar Muda akan membawa kemakmuran kepada Aceh. (Muhammad Yusoff Hashim, 1992:213)

Dalam **Hikayat Hang Tuah** juga ada menceritakan perkara yang hampir serupa. Semasa Hang Tuah masih kecil, ayahnya (Hang Mahmud) bermimpi bulan turun dari langit dan cahayanya menyinari kepala Hang Tuah. Mimpi ini memberi petunjuk bahawa Hang Tuah akan menjadi terkenal pada masa hadapan. (Mohd. Fauzi Hj. Masruri, 1995:19)

Dalam buku **Sejarah Melayu** pula, ada diceritakan bahawa Bendahara Paduka Raja melihat cahaya api memancar dari kepala Tun Mutahir yang pada masa itu masih kanak-kanak. Maka, Bendahara berkata “ Budak ini kelak menjadi Orang Besar-besar.” (Samad Ahmad, 2000:146)

Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Selepas Kedatangan Islam

Dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu, ilmu pengetahuan Melayu telah diperkukuhkan. Pada peringkat awal, berlaku sinkretisme. Para bijak-pandai secara bertahap telah mengubah dan menyesuaikan diri dengan keperluan masyarakat serta keyakinan terhadap Islam. Ufuk ilmu pengetahuan semakin luas, tidak dilihat sebagai milik peribadi sahaja dan berubah untuk membezakan antara yang benar dan yang salah, tetapi pada waktu yang sama, adat masih dihormati dan agama pula dijunjung.

Kemasukan Islam ke Tanah Melayu telah memperluaskan ufuk ilmu. Pelbagai ilmu baru diperkenalkan, seperti ilmu Fikah, Tauhid, Kalam, Hadis dan *Ulum* al-Quran. Kitab-kitab agama (Kitab Jawi) ditulis, disalin dan dikarang semula oleh ulama. Salah satu contoh ialah Kitab **Aqaid al-Nasafi** yang dianggap oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai *the oldest known manuscript*, yang bertarikh 998 H atau 1590 Masihi. Ilmu-ilmu Islam berkembang selari dengan perkembangan Islam di Alam Melayu. Dakwah Islamiah tersebar melalui proses pengilmuan sehingga mampu mempengaruhi akal dan jiwa masyarakat Melayu. Dakwah ini juga mendapat sokongan dan bantuan dari istana-istana Melayu. Selain dari kitab-kitab, ilmu tradisi Melayu juga turut berkembang melalui hikayat dan syair.

Pengaruh Islam telah merubah pandangan masyarakat Melayu terhadap alam sekeliling. Dalam al-Quran dan al-Hadis, *nature* (alam sekeliling) merupakan ayat-ayat Tuhan yang dapat dibaca oleh mata hati manusia untuk menjauhkannya dari sifat lalai. Oleh yang demikian, *nature* dipanggil *ayatu'Llah*. (tanda-tanda kebesaran Allah SWT) Islam mengajar masyarakat Melayu tradisi agar memandang alam sebagai ciptaan Tuhan untuk mendatangkan nikmat kepada manusia dan membantu manusia dalam melakukan ibadat di atas muka bumi. Manusia dibenarkan mengambil manfaat yang bersifat material daripada alam, tetapi perkara ini perlu dilakukan dengan penuh kesedaran bahawa alam ini juga merupakan 'kitab' yang perlu dibaca. (Muhammad Uthman El-Muhammady, 1976:57-58)


Perkara ini dipanggil oleh Profesor Syed Hussein Nasr sebagai '*symbolic spirit*'. *Symbolic spirit* atau kesedaran tentang hakikat bahawa alam ini dipenuhi simbol-simbol

yang mempunyai makna yang benar dan suci berhubung dengan alam yang lebih tinggi daripada alam benda. Seterusnya alam ini tidak dipandang sebagai tempat memuaskan hawa nafsu, tetapi sebagai ayat-ayat yang menunjukkan kebenaran yang bertaraf tinggi-bukan sekadar kebenaran-kebenaran *mathematical* yang bersifat keangkaan semata-mata untuk disukat dan dijual. (Muhammad Uthman El-Muhammady, 1976:58)

Islam telah mengubah makna dan konsep ilmu tradisi Melayu. Ilmu Naqli dan Aqli yang merupakan satu klasifikasi ilmu mula dikenali oleh masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu turut menyedari bahawa semua ilmu yang ada di alam ini berasal dari Penciptanya (Allah SWT) yang diberi secara langsung, iaitu wahyu kepada para Nabi dan Rasul. Masyarakat Melayu juga menyedari bahawa terdapat pelbagai contoh, petunjuk dan tanda-tanda kebesaran Allah SWT di dalam kehidupan ini.

Kesimpulan

Secara ringkasnya, bangsa yang mempunyai peradaban adalah bangsa yang memperolehi pencapaian tertinggi dalam kehidupan. Pendidikan merupakan salah satu ciri peradaban manusia. Pendidikan berperanan untuk membentuk daya intelek serta nilai akhlak yang mulia. Masyarakat Melayu telah mempunyai sistem pendidikannya sendiri sejak dahulu. Pendidikan tradisional dalam Peradaban Melayu telah berjaya mencorakkan masyarakat Melayu menurut acuannya yang tersendiri.



PETA 4 Masyarakat Islam di Alam Melayu (kurun ke-15 hingga ke-18)

Sumber: Mohd. Taib Osman (ed.), *Islamic Civilization In The Malay World*, Kuala Lumpur dan Istanbul: DBP dan The Research Centre for Islamic History, Art and Culture, hal. xlii